



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2019/05/30 (HQ)

### SEMAK BIL DI HARI BERSAMA PELANGGAN TNB BANDA KABA

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** ingin mengulangi bahawa meter pintar yang dipasang di Melaka mencatatkan bacaan yang tepat dan bukan menjadi penyebab kenaikan bil seperti yang diviralkan sesetengah pihak di media sosial.

Semakan terhadap aduan segelintir pengguna didapati berpunca dari kesilapan semasa pemasangan meter; meter terdahulu yang tidak lagi efisien dan tidak lagi merekodkan bacaan yang tepat; usikan pada meter lama (*meter tampering*) dan faktor-faktor berkaitan pembilan.

Pengguna berkelapangan yang ingin menyemak bil elektrik mereka secara bersemuka dengan pegawai khidmat pelanggan TNB disarankan ke Hari Bersama Pelanggan pejabat TNB di Jalan Banda Kaba pada 28 hingga 31 Mei ini mulai jam 8:30 pagi hingga 4:00 petang.

Kami bersedia memberikan maklumat dan langkah penyelesaian, termasuk mengkreditkan lebihan bayaran dalam bil mereka jika lebihan caj berlaku.

Selain TNB Jalan Banda Kaba, untuk sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan pembilan, pengguna juga boleh menghubungi pegawai khidmat pelanggan TNB di talian 1300-88-5454, atau mengunjungi mana- mana pejabat TNB di Pekan Alor Gajah, Bandar Jasin, Merlimau dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Jalan Hang Tuah.

#### **INFO:**

Pemasangan meter pintar di Melaka dibuat bagi membantu pelaksanaan Pelan Tindak Bandar Hijau (GCAP) kerajaan negeri. Projek meter pintar ini juga selaras dengan wawasan dan aspirasi Melaka untuk mencapai status negeri maju.

Meter pintar berupaya memberi maklumat mengenai profil penggunaan elektrik, sekali gus membolehkan pengguna merancang dan mengubah tabiat penggunaan elektrik mengikut keperluan masing-masing.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur, pada 26 Mei 2019, jam 4:30 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 / Grace Tan di talian 016-6626229 / Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*